

01 AUG 2001

Parlimen-Lulus

DEWAN RAKYAT LULUS RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN PINDAAN 2001

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini meluluskan 13 peruntukan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001 yang antara lain meminda Fasal (2) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan untuk melarang diskriminasi atas alasan jantina.

Sebanyak 172 anggota dewan mengundi sebulat suara menyokong rang undang-undang itu termasuk barisan pembangkang dalam undian yang dijalankan semasa bacaan kali kedua.

Keputusan itu diumumkan oleh Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail.

Dewan Rakyat mempunyai 193 anggota termasuk lapan orang senator yang tidak boleh mengundi.

Pindaan itu juga memperuntukkan bahawa jika seseorang senator meninggal dunia atau berhenti memegang jawatan sebelum tamat tempoh lantikan atau dipilih, penggantinya hanya boleh memegang jawatan selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya.

Turut diperuntukkan dalam pindaan itu ialah jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dijadikan jawatan sepenuh masa memandangkan beban kerja yang kian bertambah.

Fasal (1) Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan pula dicadangkan dipinda bagi menambah bilangan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) daripada tiga kepada lima anggota biasa, selain pengerusi dan timbalan pengerusi yang sedia ada.

Sebanyak 20 anggota dewan mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang itu.

Semasa penggulungan perbahasan rang undang-undang itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata 13 pindaan perlembagaan itu adalah hasil luahan hati rakyat yang dibawa oleh rakyat.

"Cuba fikir, peruntukan itu semua untuk memberi kesan yang positif dalam pentadbiran negara atas dasar yang telah diskopkan dalam perjuangan selama ini. Jadi, saya kira bagi mereka yang tak mahu berterima kasih akan tetap tidak mahu berterima kasih," katanya.

Mengenai keadilan dalam urusan harta pusaka mengikut hukum Islam iaitu faraidh, Rais berkata soal agama dan pentadbiran syariah adalah terkawal di bawah instrumen negeri yang khusus.

"Oleh itu, perkara 125 Perlembagaan Persekutuan telah dinyatakan di situ bahawa sifat autonomi sistem syariah sudah cukup wujudnya, justeru, tidak perlu lagi dipertikaikan," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata Enakmen Keluarga Islam dan Enakmen Jenayah Syariah telah sedia ada dan sebarang masalah wajar dirujuk kepada peruntukan itu.

Mengenai hal warganegara, Rais berkata ia amat rumit dan tidak wajar disentuh pada masa ini kerana peruntukan khusus undang-undang di bawah kewarganegaraan perlu mendapat penelitian yang lebih khusus.

Beliau juga berkata pencen yang dinikmati balu atau duda akan terhenti jika mereka berkahwin lain tetapi kerajaan bersedia mengkaji saranan supaya diteruskan pencen itu walaupun mereka sudah berkahwin lain.

Mengenai teks sah dan tidak sah yang dibahaskan dalam Perkara 160A, Rais berkata perjuangan untuk bahasa kebangsaan sudah diadakan sejak tahun 1960-an untuk memperkasakan Bahasa Melayu.

"Tetapi hari ini, apabila kerajaan BN yang dipimpin oleh (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) cuba hendak menjelmakan impian itu setapak lagi dalam

bentuk pegangan perlembagaan, masih ada yang tidak bersetuju," katanya.

Mohamed Zahir kemudian mengumumkan bahawa ketua majlis iaitu Perdana Menteri memutuskan sidang dewan ditambah sebanyak empat hari lagi mulai 6 hingga 9 Ogos bagi membentangkan beberapa rang undang-undang bagi kali pertama.

Sidang dewan disambung esok.

-- BERNAMA

SHS SHS NAK